

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**JULAI 2005 - NOVEMBER 2005**

Adalah dilaporkan bahawa kajian akhir ini disediakan oleh :

**LAILATUL ISMA BT SHAARI  
2 0 0 2 1 4 2 6 7 8**

bertajuk

**LAPORAN**

**CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN ORGANIK  
KAFE DI NO CB- 02- 01, PUSAT MEMBELI BELAH ALAMANDA,  
JALAN ALAMANDA, PRESINT 1, 62000 PUTRAJAYA,  
WILAYAH PERSEKUTUAN.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi  
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : En. Muhammad Suhaimi B. Musa

Koordinator : Cik Mawar Bt. Masri

Ketua Kursus : Pn. Ramlah Bt. Awi

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan penuh rasa syukur dan limpah kurnia-Nya dapatlah saya menyediakan dan menyempurnakan laporan akhir cadangan merekabentuk ruang dalam Organik Kafe di pusat membeli belah Alamanda, Putrajaya bagi sessi Julai-November 2005.

Terlebih dahulu, ingin saya tujukan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa serta keluarga saya yang telah banyak membeberikan sokongan, dorongan dan galakan serta kewangan yang cukup dalam menyiapkan kajian bagi projek akhir ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada pensyarah yang terlibat dalam menyiapkan laporan ini iaitu **Cik Mawar Bt. Masri** selaku koordinator bagi matapelajaran THESIS (THE 386) dan **En. Muhammad Suhaimi B. Musa** selaku penyelia bagi matapelajaran ini. Juga tidak lupa kepada semua pensyarah di Jabatan Senibina Dalaman yang tidak jemu dan bosan memberi tujuk ajar dan nasihat dalam meyempurnakan dan menyiapkan projek akhir ini.

Jutaan terima kasih juga ingin saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama memberi bantuan, tunjuk ajar, dorongan dan sokongan yang padu dalam menyiapkan dan menjayakan projekini.

Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan projek akhir saya ini.

Akhir kata, diharapkan projek ini akan memberi manfaat kepada semua pihak dan segala jasa kalian akan saya kenang hingga ke akhir hayat.

Yang benar,

.....  
**(LAILATUL ISMA BT. SHAARI)**  
**2002142678**

## **ABSTRAK**

Dalam kajian dan penyelidikan yang telah di jalankan dalam menjayakan projek akhir ini, beberapa faktor telah dipertimbangkan dan di ambil kira. Antaranya adalah tujuan projek ini dilakukan. Tujuan projek ini di lakukan adalah untuk memperkenalkan makanan yang berasaskan organik kepada umum. Di samping dapat memberi galakan kepada masyarakat untuk memilih makanan yang berkhasiat kepada tubuh badan.

Beberapa kaedah dilakukan dalam mendapatkan maklumat mengenai produk organik ini, antaranya melalui temuramah yang dijalankan kepada pemilik kedai produk organik dan pemilik kafe organik. Selain itu saya juga medapatkan maklumat dengan melayari internat dan media masa seperti akhbar.

Antara hasil penemuan yang didapati adalah bagaimana pentingnya makanan organik ini kepada tubuh badan untuk mengurangkan masalah kesihatan badan. Ianya melalui kaedah penanaman dan pemprosesan makanan.

Isu-isu dan masalah-masalah yang cuba dibangkitkan bagi menjayakan projek ini adalah timbulnya masalah kesihatan yang menular didalam masyarakat kita sekarang melalui cara pemakanan yang tidak sihat. Selain itu, dengan adanya kafe ini ia dapat meningkatkan ekonomi petani-petani kecil dalam memperluaskan peladangan mereka untuk menghasilkan tanaman-tanaman organik ini.

## **KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ISI – ISI KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	v
<b>SENARAI RAJAH</b>	vi

### **BAB 1.0 PENGENALAN**

#### **1.1 PENGENALAN KAJIAN**

- 1.1.1 MATLAMAT
- 1.1.2 OBJEKTIF
- 1.1.3 METODOLOGI
- 1.1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

#### **1.2 KLIEN**

- 1.2.1 LATAR BELAKANG KLIEN
  - 1.2.2.1 Sejarah Penubuhan
  - 1.2.2.2 Alamat Pejabat Operasi

#### **1.2.2 LOGO**

- 1.2.2.1 Warna-warna Korporat
- 1.2.2.2 Visi / Misi

#### **1.2.3 CARTA ORGANISASI**

### **BAB 2.0 PROJEK**

#### **2.1 PENGENALAN PROJEK**

- 2.1.1 KEHENDAK KLIEN
  - 2.1.1.1 Keperluan Ruang
  - 2.1.1.2 Keperluan Kemudahan

# **1.0 PENGENALAN**

Cadangan untuk merekabentuk dalaman kafe untuk produk organik di pusat membeli belah Alamanda , Jalan Alamanda Presint 1,62000 Putrajaya, Wilayah Persekutuan untuk tetuan GK Organic Farm.

## **1.1 PENGENALAN KAJIAN**

### **1.1.1 MATLAMAT**

Matlamat yang ingin dicapai dalam merekabentuk ruang dalaman kafe ini boleh dibahagikan kepada beberapa sebab dan tujuan. Antaranya ialah :

- a) Sasaran pengguna/ pengamal untuk produk makanan ini adalah semua golongan yang berumur dari belasan tahun hingga ke golongan dewasa yang berumur lebih 50an.
- b) Bagi memperkenalkan dan mengetengahkan produk makanan organik yang berdasarkan makanan kesihatan.
- c) Menjadikan kafe ini sebagai pusat untuk pengemar-pengemar produk makanan organik di samping dapat dijadikan sebagai tempat rujukan bagi pengemar produk ini.